


HUBUNGAN ANTARA KREATIVITI DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK

MOHAMAD HUSSIN BIN MOHAMAD YUSOF

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



106622

106622

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan untuk memeriksa kreativiti, membandingkan kreativiti lelaki dengan perempuan, membandingkan kreativiti lulusan Ijazah Perakaunan, Ijazah Pentadbiran Perniagaan, Ijazah Ekonomi dengan lulusan ijazah lain serta mendapatkan perkaitan antara kreativiti dengan pencapaian akademik, umur dan tempoh pengalaman kerja. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk deskriptif (analisis statistik). Aktiviti Ujian Pemikiran Kreatif Torrance (TTCT) dengan menggunakan 'Figural Form B' telah ditadbirkan. Ujian statistik yang terlibat ialah Ujian - t dan Pekali Korelasi Pearson (r). Statistik sampel juga digunakan bagi mendapatkan min dan sisihan piawai. Penemuan menunjukkan bahawa responden mampu untuk menghasilkan kreativiti yang baik tetapi masih konvensional dan tidak dapat menghasilkan idea di luar jangkaan kerana rendah dari aspek keaslian. Penemuan juga menunjukkan bahawa lelaki lebih kreatif daripada perempuan, umur dan tempoh pengalaman kerja mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kreativiti, pencapaian akademik tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kreativiti, responden yang mempunyai kelulusan Ijazah Perakuanan, Ijazah Pentadbiran Pengurusan dan Ijazah Ekonomi kurang kreatif berbanding dengan kelulusan Ijazah lain seperti Geografi, TESL, Sastera, Sains Pertanian dan Sains.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Dunia yang sedang mengalami revolusi teknologi masa kini telah mendesak setiap individu supaya mempunyai kreativiti yang baik. Pada masa yang sama kita juga menghadapi pelbagai dilema eksploitasi daripada teknologi tinggi yang mencabar kewibawaan manusia. Kita tidak boleh menolak kehadiran era pemikiran kreatif individu atau kelompok sebagai satu prasyarat untuk menangani situasi ini. Perkembangan seperti ini sudah pasti mewujudkan cabaran baru dan masalah yang dihadapi pula menjadi semakin kompleks. Antara aspek penting yang perlu dikuasai khususnya bagi menangani bidang pengurusan sama ada pengurusan diri seperti mencapai kecemerlangan akademik atau pengurusan organisasi ialah kreativiti seseorang kerana kreativiti akan dapat meningkatkan inovasi ketika menghadapi cabaran dan mampu menyelesaikan sesuatu masalah dengan lebih bijak dan berkesan.

Manifestasi idea kreatif boleh mencetuskan banyak idea secara berterusan dari semasa ke semasa. Hal ini berkaitan dengan kemampuan individu berfikir secara kreatif yang memanfaatkan kekuatan daya imajinasinya untuk mencipta dan sekaligus menyelesaikan sesuatu persoalan yang merangsang obsesi dalam diri tanpa dihalang oleh

sebarang peraturan. Idea kreatif adalah milik individu atau kumpulan yang perlu dikembangkan secara terancang dalam menghasilkan sesuatu produk yang bermanfaat bagi kelangsungan hidup manusia. Budaya manusia berubah dan mendesak supaya kreativiti diberi penekanan yang lebih luas kerana tenaga manusia pada masa depan memerlukan suatu bentuk kuasa minda luar biasa bagi memastikan keupayaan dan kemampuan memikul tanggungjawab meningkatkan teknologi dunia.

Kreativiti manusia yang melibatkan perubahan dan pembaharuan tamadun sesuatu bangsa bermula semenjak zaman Yunani dan Romawi. Hal ini sebenarnya telah lama diamalkan sejak zaman Socrates (Bitner, 1991). Kreativiti ini terus berkembang sehingga lahir Zaman Pembaharuan di Eropah dan Revolusi Industri di Prancis serta Itali yang kemudian terus berkembang ke seluruh dunia. Sumbangan kreativiti kepada tamadun dunia sememangnya amat besar dalam meningkatkan martabat manusia. Kreativiti yang bijak dan bernaik kurniaan Allah kepada manusia akan dapat membantu mengenali diri, alam sekeliling dan dengan demikian boleh mengenali Penciptanya yang sebenar.

Kreativiti seseorang menjadi semakin penting apabila dikaitkan dengan bidang pentadbiran dan pengurusan. Menurut Ahmad Atory Hussain (1990), '..... pentadbiran zaman kini mula cenderung ke arah mempunyai personaliti dan identiti yang tersendiri melalui penemuan beberapa formula baru'. Jelasnya di sini sesuatu usaha untuk mencari dan memperoleh penemuan formula baru memerlukan kreativiti yang tinggi.

Meskipun antara pemimpin dan pengurus mempunyai perbezaan kualitatif tetapi kedua-dua pemimpin dan pengurus memerlukan unsur kreativiti kerana mereka adalah manusia yang menuju ke arah kemajuan dan pembangunan (Owens, 1991). Islam juga melihat kepimpinan dan pengurusan sebagai aspek yang sangat penting dalam membina sesuatu masyarakat dan mempunyai perkaitan yang rapat dengan pengikut atau orang bawahannya. Ciri istimewa antara pemimpin dengan orang bawahannya ialah mereka diikat oleh satu pertalian Islam untuk sama-sama mematuhi syariat Ilahi (Hisham, 1991).

Sebagai generasi yang akan menjadi pengurus dan pentadbir pada masa depan seseorang individu perlu diberi peluang untuk mengembangkan kreativiti sebagai pemecahan memenuhi keperluan diri dan dapat bersaing dengan perubahan persekitaran yang berterusan dan mencabar. Usaha mengembangkan kreativiti tidak boleh diketepikan begitu sahaja malah kreativiti adalah tersangat penting dalam urusan harian (Dalton, 1990).

Sesungguhnya potensi kreativiti yang dimiliki oleh seseorang merupakan suatu kemampuan dan kemahiran yang perlu diasuh dan dikembangkan supaya potensi ini dapat dimanfaatkan oleh diri sendiri dan orang lain. Apabila seseorang berupaya menonjolkan kreativiti yang ada pada dirinya bermakna ia telah berjaya keluar dari suatu keadaan yang terkurang ke keadaan yang lebih berjaya dan menyeronokkan.